

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 12
SURAT

Jalinan pintar universiti, industri lahir pekerja berkemahiran tinggi



Jalinan pintar universiti, industri lahir pekerja berkemahiran tinggi

- RMK13 turut memperluas program TVET kepada pelajar institusi tahfiz yang dapat melahirkan huffaz bukan sahaja kukuh rohaninya, bahkan memiliki kemahiran teknikal
- TVET berasaskan nilai tinggi dan teknologi termaju meningkatkan produktiviti industri seterusnya mencipta pekerjaan premium dengan gaji lebih tinggi



Nalib Counselor
Universiti Teknikal
Malaysia Melaka
(UTeM)

Oleh Prof Datuk Dr Masliza
Kamardin
bhrencana@bh.com.my

Ketika dunia sedang melalui gelombang Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) yang tidak mengenal batas, Malaysia mempersiapkan rakyatnya sebagai tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mampu menghadapi masa depan seperti dapat dilihat pada penekanan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

TVET seperti ditegaskan Perdana Menteri, bukan lagi pilihan kedua, tetapi laluan utama mengubah masa depan negara. Ungkapan ini bukan sekadar retorik politik, tetapi diarahkan melalui pelbagai inisiatif sebelum ini dan terbaru dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Skim Pembiayaan Perkasa TVET Madani dan Dana Latihan TVET dirangka penuh berhemah untuk membuka lebih banyak ruang kepada belia B40 dan M40, terutama di luar bandar serta pedalaman.

Selama ini, anak muda luar bandar sering terhalang daripada menyertai program TVET kerana kekangan kos, lokasi dan peluang pekerjaan. Justeru, RMK13 memecahkan halangan ini melalui pembiayaan menyeluruh yang bukan sahaja menampung yuran latihan, bahkan sara hidup.

Dana Latihan TVET ini dialihkkan dengan kerjasama strategik bersama industri. Ini bermakna peserta tidak lagi mengikuti latihan generik yang tiada nilai tambah, tetapi dibekalkan kemahiran relevan dengan keperluan pasaran semasa.

Sektor berimpak tinggi seperti kenderaan elektrik (EV), automasi, tenaga boleh diperbaharui, semikonduktor dan kecerdasan buatan (AI) kini menjadi tumpuan utama.

Langkah kerajaan meluaskan jangkauan TVET ke pedalaman juga amat signifikan. Pendekatan TVET bergerak dari pusat latihan satelit memulau serta komuniti Orang Asli yang selama ini sukar mengakses institusi TVET.

Pendekatan ini membuktikan tiada sesiapa harus dipinggirkan daripada arus pembangunan negara. Antara keunikan besar skim ini ialah laluan kerjaya lebih jelas. Siswazah TVET bukan sahaja menerima sijil, bahkan dijamin peluang pekerjaan melalui kerjasama erat bersama industri dan laluan akademik ke Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

Konsep ekosistem MADANI bersepadu yang diperkenalkan kerajaan turut menjadi pemacu keberkesanan skim ini. Gabungan pembiayaan, latihan, insentif majikan dan sokongan komuniti mewujudkan rantaian kukuh.

Peserta bukan sahaja dilatih, malah ditempatkan dalam pekerjaan berdaya maju. Inilah formula untuk memutus rantaian kemiskinan luar bandar yang sudah lama membelenggu sebahagian masyarakat kita.

RMK13 turut memperluas program TVET kepada pelajar institusi tahfiz yang dapat melahirkan huffaz bukan sahaja kukuh rohaninya, bahkan memiliki kemahiran teknikal. Melalui pendekatan ini, pelajar tahfiz berpeluang berdiskari, menceburi keusahawanan dan menyumbang secara aktif kepada ekonomi negara. Persepsi masyarakat terhadap institusi tahfiz juga bakal berubah daripada pusat pengajian agama semata-mata kepada pusat melahirkan modal insan holistik seimbang antara spiritual dengan teknikal.

Realitinya, TVET berasaskan nilai tinggi (HGHV) dan teknologi termaju, bukan sekadar soal melatih belia, tetapi mengangkat daya tahan ekonomi negara. Pertama, TVET HGHV melengkapkan sektor strategik negara dengan tenaga kerja berkemahiran tinggi mampu mengisi jawatan kritikal bernilai bilion ringgit.

Kedua, ia meningkatkan produktiviti industri dan seterusnya mencipta pekerjaan premium dengan gaji lebih tinggi, sekali gus mengangkat taraf hidup rakyat.

Ketiga, ia menarik pelaburan berkualiti tinggi. Pelabur antarabangsa mahu melihat tenaga kerja kompeten sebelum melabur dan TVET HGHV memberi jaminan berkenaan.

Kerajaan juga mengukuhkan strategi sedia ada untuk menyelesaikan tiga cabaran nasional kritikal, iaitu produktiviti tenaga kerja, pengangguran belia dan ketidakefektifan kemahiran.

Antaranya, melalui cabang pemerikasaan TVET wanita. Program Job Empowerment by Learning and Inclusive Technical Advancement (JELITA) misalnya, yang dilaksanakan melalui MTUN membabitkan lebih 3,000 peserta dari empat zon utama, iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Perlis (Unimap).

Melalui JELITA, peserta diberikan latihan pensijilan teknikal, bengkel kemahiran insanlah, pertandingan pitching dan temu duga langsung

dengan syarikat multinasional.

KUALITI TINGKATAN JELITA

Hasilnya, siswazah TVET bukan sahaja memiliki sijil, bahkan kompetensi sebenar diperibadikan industri. Kajian JobStreet 2024 menunjukkan 52 peratus majikan berpendapat siswazah baharu kurang kemahiran praktikal. Justeru inisiatif seperti JELITA dapat mengatasi kekurangan itu, sekali gus meningkatkan produktiviti tenaga kerja negara.

Dalam menangani kadar pengangguran belia yang masih tinggi, iaitu 10.4 peratus hingga 11.7 peratus (suku pertama 2024), program JELITA@KPT Summit berjaya menawarkan lebih 1,000 peluang pekerjaan premium secara langsung kepada siswazah TVET.

Ini membuktikan siswazah TVET bukan sahaja layak, tetapi juga bersedia mengisi jawatan berpendapatan tinggi tersedia. TVET Place & Train pula menjadi contoh bagaimana ketidakefektifan kemahiran dapat ditangani dengan berkesan. Peserta bukan sahaja dilatih dengan modul dibangunkan bersama industri, malah terus ditempatkan di syarikat memerlukan tenaga kerja.

Data menunjukkan lebih 80 peratus peserta berjaya diserap bekerja sebaik tamat latihan, termasuk dalam sektor strategik seperti automasi, semikonduktor, tenaga boleh diperbaharui dan EV.

Sebagai antara empat universiti dalam MTUN, UTeM terus menjadi nadi utama negara dalam melahirkan siswazah TVET bertaraf dunia. Usaha membangunkan sasaran niaga dalam kampus misalnya, membolehkan mahasiswa menguruskan kedai jualan dengan kerjasama alumni yang bertindak sebagai mentor.

Konsep pasar malam UTeM pula mewujudkan peniaga luar mengambil mahasiswa sebagai pekerja, sekali gus menyemai semangat keusahawanan teknikal dan sosial dalam diri mereka.

UTeM juga terbahagi aktif dalam program Pembangunan Usahawan Teknikal (PUTEK) yang menyediakan pembiayaan padanan geran 60 peratus pembiayaan dan 40 peratus geran kepada siswazah untuk memulakan perniagaan teknikal.

RMK13 bukan sekadar dokumen perancangan, tetapi simbol kesungguhan kerajaan untuk memperkasa TVET sebagai nadi pembangunan negara. Perjuangan ini tidak boleh dipikul kerajaan sahaja.

Industri, institusi pendidikan, komuniti, ibu bapa dan masyarakat perlu berganding bahu. Harapan kita jelas, agar tiada seorang pun anak muda tercicir daripada peluang membina masa depan melalui TVET.

Kita mahukan siswazah TVET dilahirkan dengan kemahiran tepat dan mengisi jurang tenaga kerja kritikal, seterusnya memacu ekonomi negara ke mercu dunia.



